

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

**CIS301 - Pengurusan Sistem Maklumat**

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** soalan di dalam **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
  - Jawab **EMPAT** daripada lima soalan. Semua jawapan mestilah ditulis dalam Bahasa Malaysia.
-

1. (a) "Ternyata bahawa banyak sistem maklumat yang berasaskan komputer telah gagal. Sama ada sistem-sistem itu tidak digunakan sama sekali, atau pun mereka tidak mencapai tahap dan potensi yang dijangkakan sebelum ia diimplementasikan" (Lucas). Terangkan sebab-sebab sistem maklumat sering gagal daripada segi penerimaan para penggunanya. (70/100)
- (b) Syarikat XXX ialah satu syarikat yang memberi perkhidmatan penasihat tentang harta tanah kepada para pelanggannya. Pejabat Syarikat XXX terletak di pusat bandar. Di antara para pelanggannya, terdapat pembeli-pembeli yang terdiri daripada individu-individu yang masih bekerja, yang telah bersara, pelabur-pelabur luar negeri dan lain-lain. Para pelanggan ini bergantung kepada Syarikat XXX untuk memberi bantuan akan perancangan pelaburan jangka masa pendek dan pelaburan jangka masa panjang mereka. Di antara perkhidmatan pelaburan yang dibekalkan oleh Syarikat XXX kepada para pelabur yang mendaftar dengannya ialah menerima nasihat dan bantuan perancangan dalam pembelian dan penjualan harta tanah yang dibekalkan oleh syarikat ini.
- Huraikan 5 ciri-ciri maklumat yang harus dipertimbangkan untuk kes di atas. (30/100)
2. (a) Apakah sebab-sebabnya bidang perniagaan dewasa ini semakin bergantung kepada teknologi komputer. Berikan contoh yang sesuai untuk menyokong jawapan anda. (40/100)
- (b) Ternyata bahawa pengkomputeran pengguna akhir (EUC) semakin disukai dan diperkenalkan secara meluas di banyak organisasi. Maka, dengan kemunculan EUC, dapat kita menyimpulkan bahawa pengkomputeran tradisional (di mana segala perancangan, analisis, reka bentuk, pembangunan dan penyelenggaraan aplikasi dilakukan oleh seksyen EDP/MIS) sudah mula kehilangan kepentingannya. Setuju atau tidak? Pertahankan pendapat anda. (60/100)

3. (a) Anda seorang pereka bentuk sistem pengurusan maklumat yang ditugaskan untuk membangunkan satu sistem perakaunan yang baru bagi sesuatu jabatan di syarikat anda. Faktor-faktor organisasi apakah yang harus anda mengambil kira dalam membangunkan sistem yang baru ini ?  
(40/100)
- (b) Perbezaan bentuk kognitif dapat diperlihatkan pada dua fasa pemrosesan maklumat seseorang, iaitu pada pengumpulan data dan penilaian maklumat.
- (i) Bincang dua bentuk kognitif tersebut.
- (ii) Apakah sebab-sebabnya konsep kognitif penting bagi merekabentukkan sistem pengurusan maklumat?  
(40/100)
- (c) Kita sering membaca daripada surat khabar dan laporan-laporan tentang bil-bil utiliti (seperti bil elektrik, bil air, dan bil telefon) yang keterlaluan amaunnya. Patutkah pembekal perkhidmatan itu dipertanggungjawabkan untuk kerugian kewangan para pelanggan apabila sistem pembekal itu mengalami masalah dan rosak?  
(20/100)
4. (a) Terangkan konsep pengambilan sumber dari luar. Dalam keadaan apakah ia patut digunakan untuk membangunkan suatu sistem maklumat? Huraikan beberapa penyelesaian tentang masalah pengurusan yang dihasilkan oleh pengambilan sumber dari luar.  
(40/100)
- (b) Satu lagi fenomena pada kalangan sistem maklumat dewasa ini ialah Kejuteraan-Semula Proses Perniagaan (BPR). Apakah rasional BPR? Huraikan sebab-sebab utama BPR semakin hebat diperkatakan.  
(30/100)
- (c) Untuk mengenal pasti peluang-peluang untuk menjalankan BPR, langkah yang pertama ialah meninjau keadaan persekitaran organisasi tersebut sebelum mencuba menyelesaikan masalah-masalah yang ada. Bagaimanapun, terdapat beberapa gejala dan isyarat/petanda yang dapat menunjukkan perlunya BPR, terangkan lima gejala dan isyarat/petanda tersebut.  
(30/100)

5. (a) Bagaimanakah sistem maklumat dapat digunakan untuk memberi keuntungan persaingan (competitive advantage)? (50/100)
- (b) Huraikan tujuh isu yang merupakan cabaran utama kepada orang-orang yang merekabentuk dan menggunakan sistem maklumat. (30/100)
- (c) Berikan dan terangkan jenis-jenis jenayah komputer dan penyelesaian masing-masing. (20/100)

- oooOooo -